

✓

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**JTW 400 - PENGURUSAN PERNIAGAAN KECIL**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

### **Soalan 1**

Saranan kerajaan dalam mengalakkan penglibatan masyarakat dalam perniagaan adalah amat mengalakkan. Malah pihak kerajaan melalui pelbagai agensi telah menyediakan pelbagai kemudahan kewangan bagi memulakan aktiviti tersebut. Tambahan desakan kerajaan agar pihak perbankan dan kewangan turut melibatkan diri dalam memberikan kemudahan kewangan turut dialu-alukan.

Kedudukan kewangan merupakan faktor utama bagi membolehkan seseorang individu melibatkan diri dalam perniagaan. Individu tersebut boleh mendapatkan bantuan kewangan samaada dari pelgai tabung keusahawankan agensi kerajaan atau pinjaman dari institusi perbankan dan kewangan; malah pinjaman dari pihak keluarga/rakan turut membantu.

Bincangkan aspek kebaikan dan keburukan jika anda mendapatkan bantuan dari agensi kerajaan, institusi perbankan dan kewangan, dan pihak keluarga/rakan. Berikan contoh bagi setiapnya.

Huraikan ciri-ciri yang akan dinilai oleh agensi kerajaan dan institutusi perbankan dan kewangan dalam proses meluluskan pinjaman bagi peniaga kecil.

(100 markah)

### **Soalan 2**

Pemilihan lokasi bagi sesebuah perniagaan dapat menentukan kejayaan dan perkembangan perniagaan tersebut. Malah kesilapan dalam pemilihan lokasi boleh menyebabkan peniaga terpaksa memindahkan lokasi; dan ada juga yang terpaksa menutup perniagaan. Oleh itu keputusan peniaga dalam pemilihan lokasi sebelum memulakan perniagaan adalah penting.

Terangkan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh seseorang peniaga sebelum ia memilih lokasi perniagaan beliau.

Pilih dan bincangkan pendekatan yang perlu dilakukan oleh peniaga untuk mendapatkan tempat bermiaga samaada membeli premis atau menyewa premis perniagaan.

(100 markah)

**Soalan 3**

Kepimpinan seorang peniaga kecil dalam menerajui perniagaan adalah penting. Pada dasarnya, kepimpinan adalah proses mempengaruhi dan memotivasi pekerja bawahan untuk bekerja ke arah pencapaian matlamat perniagaan. Oleh itu, kepimpinan mengerak perniagaan kecil, dan pengurus memastikan ianya berterusan.

Huraikan perlakuan-perlakuan yang perlu dimiliki oleh peniaga kecil dalam usaha untuk memastikan kejayaan dalam menerajui perniagaan.

Juga huraikan faktor-faktor luaran yang perlu diambil kira oleh peniaga dalam memastikan kejayaan perniagaan.

(100 markah)

- oooOooo -